



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)
Department Of National Unity And Integration
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARAS 7-10, BLOK E, KOMPLEKS E
LEVEL 7-10, BLOCK E, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATION CENTRE
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-88837000
Faks : 03-8888 8584
Laman Web : www.jpnin.gov.my

Ruj. Kami : JPN.01/09/01Jld.2 (16)
Tarikh : 7 November 2024

Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.8/2024: GARIS
PANDUAN PENYERAGAMAN JUBAH KONVOKESYEN TABIKA
PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini disertakan **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.8/2024: Garis Panduan Penyeragaman Jubah Konvokesyen Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan** bertujuan bagi memberi panduan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri untuk melaksanakan penyeragaman bagi rekabentuk jubah konvokesyen bagi murid-murid tabika dan kanak-kanak taska di bawah seliaan jabatan.
3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Perpaduan di bawah seliaan YBrs. Dr./Tuan/Puan. Ibu Pejabat JPNIN juga ingin menarik perhatian YBrs. Dr./Tuan/Puan agar memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya.
4. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.8/2024: Garis Panduan Penyeragaman Jubah Konvokesyen Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan boleh dimajukan kepada Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, Ibu Pejabat JPNIN.

Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKIFLI BIN HASHIM)

b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Kementerian Perpaduan Negara

s.k. :

1. Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Kementerian Perpaduan Negara
2. Pengarah (Bahagian Kesepaduan dan Integrasi Nasional)
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Kementerian Perpaduan Negara



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL. 8/2024: GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN JUBAH KONVOKESYEN TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Garis Panduan Penyeragaman Jubah Konvokesyen Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan ini dirangka adalah bagi memberikan panduan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri untuk melaksanakan penyeragaman jubah konvokesyen ini di peringkat Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis konvokesyen ini merupakan salah satu acara tahunan bagi Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Majlis Konvokesyen ini diadakan bertujuan untuk meraikan kejayaan murid-murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan yang telah berjaya menamatkan sesi pembelajaran setiap tahun.
- 2.2 Pemakaian jubah konvokesyen sempena majlis konvokesyen adalah sebagai penyuntik semangat kepada murid-murid Tabika Perpaduan dan kanak-kanak Taska Perpaduan untuk berjaya hingga ke peringkat universiti.
- 2.3 Penyeragaman jubah konvokesyen di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan ini dapat meningkatkan lagi imej dan identiti Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara. Selain itu, dapat menjadikan kanak-kanak berasa bangga dan bersemangat untuk meraikan pencapaian mereka.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan penyeragaman jubah konvokesyen adalah terpakai kepada semua Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara.
- 3.2 Jubah konvokesyen ini dipakai semasa Majlis Konvokesyen Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan yang merangkumi :
 - i) Jubah
 - ii) Mortar Konvokesyen
 - iii) Selempang Konvokesyen (pilihan)

- 3.3 Spesifikasi jubah konvokesyen adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.4 Peruntukan kewangan penyeragaman jubah konvokesyen ini adalah menggunakan peruntukan sedia ada di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Kelulusan perolehan bagi pelaksanaan penyeragaman jubah konvokesyen pula adalah berdasarkan Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan.

4.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai kepada semua Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara dan berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan sehingga arahan baru berhubung garis panduan ini dikeluarkan.

5.0 RUMUSAN

Diharap dengan adanya garis panduan ini, penyeragaman jubah konvokesyen Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur di peringkat Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Sehubungan dengan itu, YBrs. Dr./tuan/puan adalah diminta untuk memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau penyeragaman jubah konvokesyen Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-888 37128

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)


Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh: 4/11/24.

JUBAH KONVOKESYEN TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN




DEPAN

BELAKANG

SPESIFIKASI	
-	Material = Fabrik Koshiho dan Jalur Songket Berwarna Emas
-	Warna Fabrik = <i>Royal Blue</i> (AHP130) dan <i>Yellow</i> (A105)
KEMASAN	
-	Depan Atas = Mempunyai Pelekat <i>Velcro</i>
-	Bahu = Mempunyai <i>Flyer</i> Belakang
-	Lebar Jalur Songket <i>Flyer</i> dan Badan = 2 Inchi
-	Lebar Jalur Songket Tangan = ½ Inchi (2 Jalur)
-	Jahitan = <i>Single dan Double Sewing Cotton Thread</i>



MORTAR KONVOKESYEN TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN




DEPAN



BELAKANG

SPESIFIKASI	
- Material = Fabrik Koshiho dan Jalur Songket Berwarna Emas - Warna Fabrik = <i>Royal Blue</i> (AHP130) - Jambul = <i>Polyester Thread Royal Blue</i>	
KEMASAN	
- Board = <i>Plastic Board 24CM X 24CM</i> - Panjang Jambul = 11CM - Lebar Jalur Songket = 2 Inci - Bahagian Belakang = 2 Unit Getah - Jahitan = <i>Single dan Double Sewing Cotton Thread</i>	

SELEMPANG KONVOKESYEN TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN (PILIHAN)



SPESIFIKASI

- Material = Fabrik Koshiho C Renda Berwarna Gold
- Warna Fabrik = *Royal Blue* (AHP130)
- Renda Bertali = *Polyester Thread Gold*

KEMASAN

- Panjang Dan Lebar Selempang = 140 CM X 11.5 CM
- Panjang Renda Bertali = 10 CM
- Tulisan Bercetak = *Heat Pressed Vinyl Berwarna Gold*
- Jahitan = *Single dan Double Sewing Cotton Thread*